SAMPEL PERCUMA

Skema Jawapan Trial STPM Sejarah Semester 3

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

2. Pelaksanaan Sistem Residen pada tahun 1874 telah membawa perubahan politik di NNM pada abad ke-19M. Jelaskan.

Pendahuluan

Sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu, Negeri-negeri Melayu mempunyai sistem pentadbiran yang teratur dan tersusun di ketuai oleh Sultan dan di urus tadbir oleh golongan pembesar. Namun begitu setelah kedatangan British secara rasmi pada tahun 1874 berlaku perubahan dari segi pentadbiran di Negeri-negeri Melayu khususnya di Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Sistem Residen telah diperkenalkan oleh British untuk mentadbir Negeri –negeri Melayu dengan lebih teratur. Residen ialah seorang pegawai British yang ditugaskan untuk menasihati sultan dan nasihatnya itu mesti dipatuhi dalam semua perkara, kecuali melibatkan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Kuasa memerintah yang sebelum ini berada pada tangan Sultan telah jatuh ke tangan Residen British yang mentadbir atas nama sultan. Kesannya British telah memperkenalkan beberapa perubahan secara beransur-ansur di Negeri-negeri Melayu dalam pentadbiran politik,ekonomi dan sosial.

Isi-isi

1. Sistem Residen

Pelaksanaan Sistem Residen pada tahun 1874 telah membawa perubahan politik di Negeri-negeri Melayu apabila berlaku **perubahan dari segi pentadbiran** di Negeri-negeri Melayu. Perlantikan Residen menyebabkan berlakunya perubahan penting dalam pentadbiran di negeri-negeri Melayu. Pada teorinya dengan Sistem Residen, negeri-negeri melayu tersebut diberi **"taraf perlindungan**" dan Sultan pula dinasihati oleh Residen. Namun pelaksanaan sistem ini telah menyebabkan **Sultan dan pembesar tidak lagi berkuasa dalam semua hal ehwal negeri kecuali agama dan adat istiadat**. Sebaliknya Residen telah mengambil alih tanggungjawab tersebut untuk mentadbir, menjaga dan mengurus pentadbiran negeri. Hal ini dibuktikan apabila Residen membentuk peraturan dan undang-undang, merangka dasar dan menyelaraskan pentadbiran negeri dan daerah. Sultan tiada peranan di peringkat pentadbiran sebaliknya dinasihati oleh Residen di peringkat negeri dan di peringkat daerah. Sementara itu pembesar juga tidak lagi berkuasa dalam hak memungut cukai. British telah melantik Pemungut Cukai atau Majistret (Pegawai Daerah) bagi menggantikan pembesar dalam urusan pentadbiran peringkat daerah dan pungutan cukai.

3. Huraikan penglibatan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) selepas tahun 1957.

Pendahuluan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah ditubuhkan pada 24 Oktober 1945 di Amerika Syarikat. Ibu pejabatnya terletak di New York. Keanggotaannya adalah dibuka kepada semua negara merdeka, berdaulat dan bersetuju mematuhi Piagam Atlantik PBB yang menggariskan prinsip-prinsip asas perhubungan antarabangsa. Negara anggota PBB terdiri daripada lebih kurang 195 buah negara. Malaysia merupakan ahli PBB yang ke-82 mulai 17 September 1957. Matlamat penubuhan PBB antaranya adalah untuk memelihara keselamatan dan keamanan antarabangsa, menyelesaikan perselisihan dan penindasan, menggalakkan hubungan baik dalam kalangan negara yang merdeka, menggalakkan pertumbuhan ekonomi, sosial dan kebudayaan, melindungi hak-hak asasi manusia tanpa mengira bangsa, jantina atau agama serta menyatupadukan penduduk dunia. Sejak awal penubuhannya sehingga ke hari ini, Malaysia telah melibatkan diri secara aktif dalam pertubuhan PBB.

Bantuan daripada penglibatan dalam PBB

Malaysia memerlukan bantuan daripada PBB semasa mengadakan pungutan suara di Sabah dan Sarawak tentang penyertaan mereka dalam Malaysia. PBB telah membentuk perwakilan Malaysia ke PBB di bawah Setiausaha Agung PBB iaitu U Thant. Beliau telah menghantar wakilnya Lawrence Michaelmore bersama 7 orang wakil untuk meninjau semula pendapat rakyat Sabah dan Sarawak.

Malaysia juga ingin mendapatkan bantuan tertentu melalui agensi dalam PBB seperti WHO dan FAO yang banyak menghulurkan bantuan melalui pejabat masing-masing di Kuala Lumpur.

Isu konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia dapat diselesaikan melalui Majlis Keselamatan PBB pada tahun 1965 manakala tuntutan terhadap Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan antara Malaysia dengan Indonesia juga dirujuk dan diselesaikan melalui Mahkamah Pengadilan Antarabangsa pada 1998.

Penglibatan dan penghormatan daripada PBB

Malaysia penah memegang jawatan penting dalam PBB. Malaysia juga pernah menjadi anggota tidak tetap Majlis Keselamatan bagi tempoh 1965-1966, 1989-1990 dan 1999-2000. Malaysia dipilih pada tahun 1964 dan 1965 secara berkongsi dengan Czechoslovakia.

Pada Mei 1965, Encik R. Ramani dari Malaysia dipilih menjadi pengerusi majlis keselamatan PBB selama sebulan. Tan Sri Razali Ismail dilantik sebagai Presiden

BAHAGIAN B

4. Bincangkan sistem sosial masyarakat di Vietnam sebelum campur tangan Barat.

Pendahuluan

Sistem sosial masyarakat Vietnam menunjukkan kedudukan seseorang mengikut hierarki. Dalam sistem sosial masyarakat Vietnam, terdapat dua golongan iaitu golongan pemerintah dan golongan yang diperintah. Golongan pemerintah terdiri daripada raja dan bangsawan (Mandarin/Quan), manakala golongan yang diperintah pula terdiri daripada rakyat biasa. Sistem sosial masyarakat Vietnam menunjukkan setiap lapisan masyarakat saling bergantung antara satu sama lain.

Isi-isi

1. Maharaja

Maharaja di Vietnam menduduki hierarki tertinggi serta mempunyai kuasa mutlak dalam pentadbiran dan mewarisi takhta secara warisan mengikut keluarga atau dinasti seperti Nguyen, Minh dan Tuc. Sistem Maharaja Vietnam menerima pengaruh China dengan mengamalkan konsep "Anak Syurga" dan mendapat mandat daripada tuhan untuk memerintah. Masyarakat Vietnam percaya kesejahteraan rakyat bergantung kepada kewibawaan dan kebijaksanaan maharaja Melalui konsep ini, Maharaja harus dihormati kecuali apabila Maharaja kehilangan mandat dari Syurga. Justeru itu Maharaja harus mempastikan kesejahteraan negara dan rakyatnya dengan memberi contoh yang baik terhadap rakyatnya, Ini bersesuaian dengan falsafah Confusius, '*seseorang pemerintah samalah seperti angin dan sifat rakyatnya pula seperti rumput, rumput akan tunduk mengikut arahan tiupan angin'.*

Meskipun Maharaja Vietnam mempunyai kuasa mutlak. Golongan Mandarin/ Quan telah dilantik untuk membantu tugas-tugas pentadbiran Maharaja. Tugas Maharaja akan tertumpu kepada upacara adat resam tradisional bagi mengelak negara mengalami kecelakaan dan perlu bertindak adil agar tidak kehilangan mandat dari syurga.

5. Huraikan perjuangan ke arah mencapai kemerdekaan di Indonesia antara tahun 1945 hingga 1949.

Pendahuluan

Indonesia merupakan sebuah negara yang telah dijajah oleh Belanda sekian lama melalui Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) yang ditubuhkan pada tahun 1602, khususnya di Pulau Jawa. Bagaimana pun kemunculan Jepun sebagai kuasa imperialis baru telah membawa kepada pengunduran Belanda dari bumi Indonesia pada 8 Mei 1942 apabila Gabenor Jeneral Van Starkenborgh dan Leftenan Jeneral Ter Poorten telah menyerah kalah tanpa syarat kepada Leftenan Jeneral Imamura. Pendudukan Jepun di Indonesia telah memberi peluang pentadbiran yang sebelum ini tidak diperolehi dari Belanda. Ini menyebabkan timbulnya keyakinan diri untuk mentadbir sendiri negara mereka dengan cara memperkuatkan gerakan anti penjajah termasuk Jepun. Justeru itu beberapa langkah agresif telah diambil oleh para nasionalis untuk menuntut kemerdekaan daripada Belanda selepas kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua.

Langkah-langkah ke arah mencapai kemerdekaan di Indonesia

1. Perisytiharan Kemerdekaan 1945

Antara langkah drastik yang telah diambil oleh para nasionalis Indonesia ialah pengumuman Kemerdekaan Indonesia 1945 yang telah dilakukan pada 17 Ogos 1945 oleh Soekarno dan Muhamad Hatta. Jawatankuasa Persediaan Kemerdekaan seterusnya melantik Soekarno sebagai Presiden dan Hatta sebagai Timbalan Presiden Republik Indonesia pada 18hb Ogos 1945. Walau bagaimanapun Belanda enggan mengiktiraf kerajaan baru tersebut dan ingin berkuasa semula, lalu melantik Sutan Sjahrir mengetuai kerajaan republik pilihan Belanda. Sutan Sjahrir juga enggan menurut kehendak Belanda yang masih ingin menguasai kepulauan Indonesia. Tindakan Belanda untuk berkuasa semula telah mencetuskan penentangan dan pertumpahan darah hingga berlaku perang revolusi kemerdekaan dari tahun 1945-49. Jelaslah bahawa keengganan kerajaan Belanda mengiktiraf kemerdekaan Indonesia telah menyebabkan berlaku revolusi bersenjata menentang Belanda.

2. Pembentukan Komanwel Indonesia 1946

Pada tahun 1946, Belanda mengesyorkan pembentukan sebuah Komanwel Indonesia yang terdiri daripada wilayah-wilayah dengan pemerintahan sendiri. Kerajaan komanwel ini diketuai oleh wakil Belanda dan menjadi sebahagian daripada kerajaan Belanda. Sebuah parlimen yang dipilih akan mengawal hal ehwal kerajaan. Justeru rombongan kerajaan republik diketuai Sutan Sjahrir telah ke Hague, tetapi gagal kerana rakyat Indonesia hanya mahukan pengiktirafan terhadap kemerdekaan Indonesia. Jun 1946 Sutan Sjahrir dan beberapa orang ahli kabinetnya diculik oleh pihak komunis tetapi kemudian dibebaskan dua hari selepas itu setelah Soekarno mengisytiharkan darurat. Pembentukan Komanwel Indonesia ini tidak disenangi oleh

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar